

PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT

Edisi Pertama 2025



PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT

**Edisi Pertama
2025**

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN



Hak cipta terpelihara © 2025

**Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Kolej Komuniti Kuala Langat.**

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau apa jua cara, sama ada secara elektornik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis daripada penulis atau penerbit kecuali bagi petikan ringkas yang digunakan dalam ulasan buku atau artikel.

Hak cipta ini adalah terpelihara di bawah undang-undang hak cipta Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Kolej Komuniti Kuala Langat,
Kementerian Pendidikan Tinggi,
Jalan Sultan Suleiman Shah,
42700 Banting, Selangor,
Malaysia.

Tel: 03-31202030

Faks: 03-31202080

Laman Sesawang: <https://kkkualalangat.mypolycc.edu.my>



Penghargaan

Pengerusi JKKP

Ts. Suhairi bin Ismail

Pengarah

Kolej Komuniti Kuala Langat

Setiausaha / Ketua Penyelaras JKKP

Mohd Hisyamuddin bin Mohd Yussof

Pensyarah

Kolej Komuniti Kuala Langat

Wakil Majikan & Pihak Pengurusan

Mohamad Shabudin bin Mohamad Nor

Timbalan Pengarah Pengurusan

Kolej Komuniti Kuala Langat

Ts. Kaslia binti Kasiran

Timbalan Pengarah Akademik

Kolej Komuniti Kuala Langat

Zaidi bin Shariff

Pensyarah Utama

Kolej Komuniti Kuala Langat

Mohamad Zukery bin Mahmud Nor

Ketua Unit Penyelenggaraan

Kolej Komuniti Kuala Langat

Wakil Pekerja

Mohd Nasaruddin bin Mustapha

Siti Maizatulakmam binti Imam

Nurul Hayati binti Shamsuri

Jamunarani A/p Muthusamy

Mohd Adib bin Ishak

YM. Tengku Faslidapati bin Tunku Mansor

Mohamed Ayob bin Ahmad

Mohd Ssibah bin Ismail

Sabariah binti Johari

Lain-lain

Wakil Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP)

Wakil Koperasi Kolej Komuniti Kuala Langat Berhad

Wakil Jawatankuasa Keselamatan

Wakil Jawatankuasa Kafeteria

Perpustakaan Kolej Komuniti Kuala Langat

Jawatankuasa Editorial

Penaung

Ts. Suhairi bin Ismail

Penasihat Penerbitan

Mohamad Shabudin bin Mohamad Nor

Ts. Kaslia binti Kasiran

Ketua Editor

Mohd Hisyamuddin bin Mohd Yussof

Penolong Editor

Sabariah binti Johari

Pembantu Editorial

Zaidi bin Shariff

Mohamad Zukery bin Mahmad Nor

Mohd Nasaruddin bin Mustapha

Siti Maizatulakmam binti Imam

Nurul Hayati binti Shamsuri

Jamunarani A/p Muthusamy

Mohd Adib bin Ishak

YM. Tengku Faslidapati bin Tunku Mansor

Mohamed Ayob bin Ahmad

Mohd Ssibah bin Ismail

Penyelaras Penerbitan

Nadiah binti Salikin

Glosari

AED (*Automated External Defibrillator*): Peranti mudah alih yang digunakan untuk memberikan kejutan kepada jantung bagi memulihkan degupan jantung yang tidak normal.

ERP: *Emergency Response Plan* / Pelan Tindakan Kecemasan.

KKKL: Kolej Komuniti Kuala Langat

KKP: Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Latihan Kecemasan: Simulasi yang dijalankan untuk mempersiapkan kakitangan menghadapi situasi kecemasan sebenar.

PPE (*Personal Protective Equipment*) / (Peralatan Perlindungan Diri): Peralatan perlindungan diri yang digunakan untuk mengurangkan risiko kecederaan atau pendedahan kepada bahaya di tempat kerja.

Prosedur Evakuasi: Langkah-langkah yang perlu diikuti untuk meninggalkan bangunan atau kawasan dengan selamat semasa kecemasan.

Risiko Keselamatan: Kemungkinan berlaku kejadian yang boleh menyebabkan kecederaan, kerosakan harta benda atau kehilangan nyawa.



Prakata Pengarah	i
Visi, Misi dan Dasar Kualiti Kolej Komuniti Kuala Langat	ii
Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	iii
Peranan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKKL)	iv
Pengenalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	v
Apa Itu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	1
Kepentingan Keselamatan dan Kesihatan di Kolej	2
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994	3
Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan KKKL	4
Tanggungjawab Semua Warga Kolej	5 - 6
Peraturan Keselamatan Umum	
Keselamatan Bilik Kuliah dan Bengkel	7 - 9
Laluan Kecemasan	10 - 11
Penggunaan Lif	12 - 13
Keselamatan Semasa Aktiviti Luar	14 - 15
Prosedur Keselamatan	
Prosedur Keselamatan	16 - 17
Pertolongan Cemas	18 - 20
Tindakan Semasa Bencana Alam (Gempa Bumi/Banjir)	21 - 22
Keselamatan di Tempat Letak Kereta	23 - 24
Keselamatan Siber	25 - 26
Laporan Insiden dan Aduan	27 - 28
Denda dan Tindakan Disiplin	29 - 31
Talian Kecemasan	32
Penutup	33
Rujukan	34



Prakata

Pengarah

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku panduan dan peraturan keselamatan Kolej Komuniti Kuala Langat ini berjaya disiapkan. Panduan ini disusun sebagai rujukan utama bagi memastikan setiap warga kolej memahami tanggungjawab masing-masing dalam mematuhi peraturan keselamatan serta prosedur yang ditetapkan.

Keselamatan dan kesihatan semua pelajar, kakitangan, serta pengunjung sentiasa menjadi keutamaan kami. Oleh itu, panduan ini bukan sahaja bertujuan untuk menjamin keselamatan fizikal, malah juga bagi mengukuhkan kesedaran terhadap pentingnya mencegah kemalangan, serta menjaga kebajikan dan kesejahteraan bersama di kolej ini. Saya percaya dengan adanya garis panduan ini, semua warga kolej akan dapat bekerjasama dalam memupuk budaya keselamatan yang berkesan.

Akhir kata, saya berharap panduan ini dapat dijadikan rujukan yang bermanfaat untuk semua pihak dalam memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat, kondusif, dan terkawal. Keselamatan adalah tanggungjawab kita bersama, dan dengan komitmen semua, kita dapat menjadikan Kolej Komuniti Kuala Langat dan KKKL Cawangan Sepang sebuah institusi yang selamat dan harmoni untuk semua.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan amanah.

TS. SUHAIRI BIN ISMAIL

Pengarah

Kolej Komuniti Kuala Langat



Visi KKKL

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul.

Misi KKKL


- Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf.
- Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat.
- Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

Dasar Kualiti KKKL

Dasar kualiti Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) adalah membangunkan potensi pelajar ke arah kecemerlangan di dalam bidang teknologi, bisnes dan industri perkhidmatan serta pembelajaran sepanjang hayat melalui penambahbaikan secara berterusan. KKKL juga komited dalam memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif seiring dengan keperluan pihak berkepentingan disamping melaksanakan tanggungjawab sosial korporat.

Carta Organisasi JKKP Kolej Komuniti Kuala Langat

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT



LAIN-LAIN AHLI JKKP

- Wakil Jawatankuasa Perwakilan Pelajar
- Wakil Jawatankuasa Green & EKSA
- Wakil Jawatankuasa Keselamatan
- Wakil Jawatankuasa Kebersihan
- Wakil Jawatankuasa Kafeteria
- Wakil Koperasi KKKL

Peranan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Kolej Komuniti Kuala Langat

1. Memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan merancang, melaksanakan dan membantu program keselamatan.
2. Mengenal pasti bahaya, menilai risiko dan mencadangkan langkah pencegahan bagi mengurangkan insiden kemalangan dan kecederaan.
3. Bertanggungjawab mengadakan latihan keselamatan, pemeriksaan keselamatan dan memupuk budaya keselamatan di kalangan pekerja.
4. Penghubung antara majikan dan pekerja, memastikan semua pihak mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan oleh undang-undang dan pihak berkuasa seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Pengenalan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kolej Komuniti Kuala Langat memainkan peranan penting dalam memastikan setiap individu yang berada di kawasan kolej termasuk pelajar, pensyarah dan staf sokongan berada dalam persekitaran yang selamat dan bebas daripada risiko bahaya.

Dalam konteks institusi pendidikan tinggi, langkah-langkah keselamatan bukan sahaja melibatkan perlindungan terhadap kemalangan tetapi juga merangkumi kesihatan mental dan psikologi. Panduan ini bertujuan untuk memberikan maklumat mengenai peraturan keselamatan serta prosedur yang perlu dipatuhi bagi menjamin keselamatan dan kesihatan semua pihak di kampus.



Apa Itu Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Keselamatan dan kesihatan pekerja merujuk kepada usaha sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko di tempat kerja bagi melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja atau pelajar. Ini melibatkan pelbagai aspek termasuk:

- Pencegahan kemalangan atau kecederaan.
- Pengurusan risiko terhadap kesihatan fizikal dan mental.
- Memastikan semua kemudahan dan peralatan di tempat kerja selamat untuk digunakan.



Kepentingan Keselamatan dan Kesihatan di Kolej

1. Melindungi Nyawa

Pelaksanaan langkah-langkah KKP dapat mencegah kejadian yang boleh membawa kepada kecederaan serius atau kehilangan nyawa.

2. Mewujudkan Persekitaran Selamat

Dengan memastikan semua lokasi seperti makmal, bengkel, bilik kuliah dan kawasan kampus bebas dari risiko bahaya, warga kolej dapat belajar dan bekerja dengan lebih selesa.

3. Mematuhi Perundangan

Kepatuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) menunjukkan komitmen kolej dalam melindungi semua pihak di bawah pengawasan institusi.

4. Menggalakkan Produktiviti

Persekitaran yang selamat dan sihat membantu meningkatkan fokus, moral dan produktiviti pelajar dan staf.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Akta 514 ini mewajibkan semua majikan termasuk institusi pendidikan untuk menyediakan:

- Tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua.
- Latihan keselamatan kepada semua warga kolej.
- Proses pelaporan kemalangan atau insiden dengan betul.

Kesedaran tentang kepentingan KKP bukan sahaja melibatkan pemuatan undang-undang tetapi juga menjadi asas kepada budaya keselamatan yang mampan dalam kalangan komuniti kolej.

Oleh itu, warga Kolej Komuniti Kuala Langat diseru untuk menghayati dan mempraktikkan panduan dalam buku ini demi manfaat bersama.





Polisi Keselamatan dan Kesihatan Kolej Komuniti Kuala Langat

Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) bertekad dan beriltizam untuk mewujudkan suasana kerja yang sihat, selamat dan mesra melalui budaya kerja yang terancang serta perkongsian tanggungjawab antara majikan dan pekerja.

Isu-isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan akan diberi keutamaan oleh KKKL sejajar dengan peruntukan Seksyen 16, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Bagi menjaya dan merealisasikan POLISI ini, maka pihak KKKL akan berusaha untuk:

- Menyediakan sistem tempat kerja yang selamat, mesra dan sihat.
- Memastikan bahawa pekerja-pekerja KKKL diberi maklumat dan latihan yang mencukupi bagi meningkatkan kesedaran mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Membudayakan sistem kerja yang selamat di kalangan pekerja mahupun selain pekerja berteraskan kefahaman, kompetensi, kesedaran tanggungjawab bersama.

POLISI ini akan menjadi panduan kepada semua pekerja dan selain pekerja bagi memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diamalkan dengan berkesan.

POLISI ini akan sentiasa disemak dan dikemaskini mengikut keperluan bagi memastikan kesinambungan program ke arah penambahbaikan yang berterusan.

Disahkan oleh



Pengarah
Kolej Komuniti Kuala Langat
1 Oktober 2021

Tanggungjawab Semua Warga Kolej

Setiap individu di Kolej Komuniti Kuala Langat – sama ada pelajar, pensyarah, staf sokongan mahupun pengunjung – bertanggungjawab secara langsung dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan persekitaran kolej. Berikut adalah tanggungjawab utama yang perlu dipatuhi:

1. Tanggungjawab Umum

- Mematuhi semua peraturan dan prosedur keselamatan yang ditetapkan oleh pihak kolej.
- Mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kemalangan dan kecederaan.
- Menjaga kebersihan dan susun atur kawasan kerja dan pembelajaran bagi mengurangkan risiko.
- Tidak melakukan sebarang aktiviti yang boleh membahayakan diri sendiri atau orang lain.

2. Melaporkan Bahaya dan Insiden

- Segera melaporkan sebarang kemalangan, kecederaan, atau keadaan yang tidak selamat kepada pihak berkuasa kolej seperti pensyarah, pegawai keselamatan atau penyelaras program.
- Memberi kerjasama dalam siasatan berhubung sebarang insiden yang berlaku.

3. Kesedaran Terhadap Laluan Kecemasan dan Peralatan Keselamatan

- Mengetahui lokasi pintu keluar kecemasan, alat pemadam api, peti pertolongan cemas dan titik berkumpul.
- Tidak menghalang laluan kecemasan atau menyalahgunakan peralatan keselamatan.

Tanggungjawab Semua Warga Kolej

4. Tanggungjawab Semasa Kecemasan

- Bertindak dengan tenang dan ikut arahan penyelaras kecemasan ketika berlaku kebakaran, banjir atau sebarang bencana.
- Menyertai latihan kebakaran atau latihan keselamatan lain yang dijalankan secara berkala.

5. Etika dan Disiplin Berkaitan Keselamatan

- Tidak membawa masuk bahan terlarang, senjata atau bahan mudah meletup ke kawasan kolej.
- Tidak menunggang atau memandu secara berbahaya di dalam kawasan kolej.
- Mengelakkan dari melakukan buli, pergaduhan atau sebarang bentuk ancaman fizikal atau psikologi terhadap warga kolej.

6. Tanggungjawab sebagai Pengguna Kemudahan

- Menggunakan kemudahan kolej seperti bengkel, makmal, bilik kuliah dan peralatan ICT dengan cara yang betul dan selamat.
- Memastikan semua suis elektrik, paip air, dan peralatan dimatikan selepas digunakan.
- Melaporkan sebarang kerosakan atau masalah teknikal kepada pihak bertanggungjawab.



Peraturan Keselamatan Umum

KESELAMATAN BILIK KULIAH DAN BENGKEL

Bilik kuliah dan bengkel merupakan ruang utama proses pembelajaran berlaku. Justeru itu, penting untuk semua pelajar dan staf menjaga aspek keselamatan ketika berada di dalamnya bagi mengelakkan kemalangan, kerosakan peralatan, dan kecederaan.

1. Umum

- Sentiasa menjaga kebersihan dan kekemasan ruang kerja.
- Tidak makan, minum, atau merokok dalam bilik kuliah atau bengkel.
- Pelajar hanya dibenarkan berada dalam bengkel atau bilik khas dengan kebenaran pensyarah atau penyelia.

2. Penggunaan Peralatan

- Gunakan peralatan hanya selepas diberi tunjuk ajar atau taklimat keselamatan oleh pensyarah.
- Jangan guna peralatan atau mesin yang rosak atau mencurigakan – laporkan segera kepada pensyarah atau teknikal.
- Semua suis dan peralatan elektrik mesti ditutup selepas digunakan.
- Jangan sesekali ubah suai sambungan elektrik atau litar tanpa kebenaran.

3. Pakaian dan PPE (Peralatan Perlindungan Diri)

- Pelajar wajib memakai pakaian yang sesuai seperti pakaian kerja, apron, kasut bertutup atau kasut keselamatan semasa berada di bengkel.
- Rambut panjang perlu diikat kemas bagi mengelakkan tersangkut pada mesin.
- Pakai sarung tangan, pelindung mata, atau topi keselamatan jika diarahkan.

Peraturan Keselamatan Umum

4. Kawalan Bahan Kimia dan Bahan Berbahaya (jika berkaitan)


- Simpan dan label semua bahan kimia atau bahan mudah terbakar di tempat yang ditetapkan.
- Elakkan pendedahan langsung – gunakan sarung tangan dan pastikan pengudaraan baik.
- Ikut prosedur pelupusan bahan kimia dengan betul.

5. Laluan Kecemasan dan Peralatan Keselamatan

- Jangan halang laluan keluar masuk, pintu kecemasan atau alat pemadam api.
- Ketahui lokasi alat pemadam api, suis utama elektrik, dan titik berkumpul kecemasan.
- Latih diri dengan prosedur pemadaman awal (jika perlu) – ikut jenis kebakaran.

6. Tatacara Kecemasan di Bengkel

- Jika berlaku kecemasan, hentikan semua kerja serta-merta dan tinggalkan ruang kerja dengan tertib.
- Ikut arahan pensyarah/petugas keselamatan dengan tenang.
- Jangan panik dan jangan kembali ke kawasan bengkel selagi belum diarahkan.



Peraturan Keselamatan Umum

LALUAN KECEMASAN DAN TITIK BERKUMPUL

Laluan kecemasan dan titik berkumpul adalah elemen penting dalam pengurusan keselamatan di Kolej Komuniti Kuala Langat. Semua warga kolej wajib mengetahui dan sentiasa bersedia dengan prosedur keluar kecemasan sekiranya berlaku situasi tidak dijangka seperti kebakaran, gas bocor, banjir atau gempa bumi.

1. Pengenalan Laluan Kecemasan

- Setiap bangunan kolej dilengkapi dengan laluan kecemasan yang ditandakan dengan papan tanda “EXIT” atau “KELUAR”.
- Pelajar dan staf perlu kenal pasti laluan kecemasan berhampiran dengan tempat kerja atau kelas masing-masing.
- Laluan ini tidak boleh dihalang dengan kerusi, meja, perabot, tong sampah, papan kenyataan dan sebagainya.

2. Tindakan Ketika Kecemasan

- Apabila terdengar bunyi penggera kecemasan atau menerima arahan kecemasan:
 - Hentikan semua aktiviti serta-merta.
 - Tinggalkan bangunan melalui laluan kecemasan terdekat dengan tenang dan berbaris.
 - Jangan guna lif (jika ada), gunakan tangga sahaja.
 - Jangan bawa barang yang tidak penting seperti beg besar, komputer riba dll.

3. Titik Berkumpul (*Assembly Point*)

- Semua warga kolej perlu berkumpul di titik berkumpul yang telah ditetapkan.
- Lokasi titik berkumpul ditandakan di papan kenyataan keselamatan serta pelan kecemasan di setiap aras bangunan.
- Pensyarah atau penyelia kelas akan mengambil kehadiran dan melaporkan kepada pegawai keselamatan atau petugas kecemasan.
- Jangan tinggalkan kawasan titik berkumpul sehingga diberi arahan oleh pegawai bertugas.

Peraturan Keselamatan Umum

PENGUNAAN LIF

Penggunaan lif perlu dilakukan dengan penuh disiplin dan tanggungjawab bagi mengelakkan kemalangan serta kerosakan teknikal. Lif hanya digunakan oleh golongan tertentu dan pada keadaan yang dibenarkan sahaja.

1. Peraturan Penggunaan Lif

- Lif hanya boleh digunakan oleh:
 - Staf kolej (atas urusan rasmi)
 - Pelajar atau staf yang uzur atau OKU
 - Penghantaran barang menggunakan troli (dengan kebenaran)
- Pelajar tidak dibenarkan menggunakan lif tanpa sebab munasabah.

2. Larangan Dalam Lif

- Tidak dibenarkan melompat-lompat, menekan butang secara rambang atau bermain-main di dalam lif.
- Elakkan muatan berlebihan – ikut kapasiti maksimum seperti yang tertera pada lif.
- Jangan guna lif ketika berlaku kebakaran, gempa bumi atau gangguan elektrik – gunakan tangga kecemasan.

3. Tindakan Semasa Lif Tersekat

Jika terperangkap dalam lif:

- Jangan panik – tekan butang kecemasan (*emergency call button*).
- Tunggu bantuan – jangan cuba buka pintu secara paksa.
- Elakkan guna telefon bimbit secara berlebihan kerana kawasan lif mungkin ada gangguan isyarat.
- Jangan tinggalkan lif kecuali diarahkan atau diselamatkan oleh pasukan bertugas.

Peraturan Keselamatan Umum

4. Penyelenggaraan dan Aduan

- Sebarang kerosakan lif hendaklah dilaporkan segera kepada Pejabat Pentadbiran atau pihak penyelenggaraan kolej.
- Penggunaan lif secara salah boleh menyebabkan kecederaan dan kerosakan – tindakan tatatertib boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakannya.



Peraturan Keselamatan Umum

KESELAMATAN SEMASA AKTIVITI LUAR

Setiap aktiviti luar yang melibatkan pelajar dan staf kolej perlu dirancang dengan teliti dan mengambil kira aspek keselamatan. Ini termasuk aktiviti rasmi, kokurikulum, lawatan sambil belajar, sukan dan program luar kampus yang dijalankan di tempat awam atau lokasi berisiko.

1. Perancangan dan Kebenaran

- Semua aktiviti luar mesti mendapat kelulusan rasmi daripada pihak pengurusan kolej.
- Kertas kerja lengkap termasuk senarai peserta, lokasi, jadual, senarai risiko dan tindakan keselamatan mesti disediakan.
- Penilaian risiko perlu dibuat sebelum aktiviti bermula.

2. Tanggungjawab Pengiring/Pensyarah

- Menjadi penyelia keselamatan utama sepanjang program.
- Memastikan pelajar mematuhi peraturan, masa dan arahan keselamatan.
- Sentiasa membawa senarai kehadiran, nombor telefon kecemasan, dan kit pertolongan cemas.
- Pastikan pelajar tidak berpisah daripada kumpulan tanpa kebenaran.

3. Tanggungjawab Peserta

- Hadir taklimat keselamatan sebelum program.
- Mematuhi arahan pensyarah/pengiring sepanjang aktiviti.
- Menjaga disiplin, tidak melakukan aktiviti berbahaya atau bersendirian.
- Peka dengan keadaan sekeliling dan patuh kepada undang-undang tempatan (jika luar kawasan kolej).

Peraturan Keselamatan Umum

4. Pengangkutan

- Kenderaan yang digunakan mestilah disahkan selamat dan mempunyai lesen yang sah.
- Pemandu bas atau van perlu berada dalam keadaan sihat dan tidak membawa lebih muatan.
- Semua peserta wajib memakai tali pinggang keledar (jika ada).

5. Keadaan Cuaca dan Persekitaran

- Aktiviti luar perlu dipantau mengikut ramalan cuaca.
- Elakkan aktiviti lasak semasa hujan lebat, ribut petir atau panas terik melampau.
- Jika aktiviti melibatkan kawasan hutan, sungai atau laut – perlu ada pegawai berpengalaman atau profesional.

6. Pertolongan Cemas dan Insurans

- Bawa kit pertolongan cemas mudah alih.
- Sekurang-kurangnya seorang pengiring atau staf mesti tahu asas CPR dan bantuan awal.
- Semua peserta disaran dilindungi di bawah skim insurans pelajar atau insurans khas program.

7. Laporan Insiden

- Jika berlaku kemalangan, kecederaan atau kejadian luar jangka, laporan segera perlu dibuat kepada pihak kolej.
- Siasatan dalaman akan dijalankan bagi memperbaiki prosedur keselamatan masa depan.

Prosedur Keselamatan

Prosedur keselamatan adalah garis panduan yang mesti diikuti oleh semua warga kolej bagi mencegah kemalangan, melindungi nyawa serta harta benda. Ia melibatkan tindakan sebelum, semasa dan selepas sesuatu insiden atau kecemasan berlaku.

1. Prosedur Am Keselamatan

- Semua pelajar dan staf wajib menghadiri taklimat keselamatan yang dianjurkan oleh kolej.
- Patuhi semua papan tanda amaran, arahan keselamatan dan peraturan tempat kerja.
- Elakkan tingkah laku berisiko seperti bergurau kasar, membawa senjata, atau menggunakan peralatan tanpa kebenaran.

2. Prosedur Ketika Kecemasan (Kebakaran, Gempa, Gas Bocor)

- Dengar penggera atau pengumuman kecemasan.
- Hentikan semua aktiviti. Matikan suis peralatan jika selamat untuk dilakukan.
- Keluar dari bangunan melalui laluan kecemasan terdekat. Jangan guna lif.
- Jangan panik. Bantu rakan yang memerlukan.
- Pergi ke titik berkumpul.
- Tunggu arahan pegawai bertugas. Jangan masuk semula ke bangunan tanpa kebenaran.



Prosedur Keselamatan

3. Prosedur Kemalangan atau Kecederaan

- Maklumkan segera kepada pensyarah, staf bertugas atau pengawal keselamatan.
- Jangan pindahkan mangsa kecuali jika nyawanya terancam.
- Gunakan kit pertolongan cemas jika tahu cara penggunaannya.
- Catat masa kejadian, lokasi dan butiran mangsa – penting untuk laporan rasmi.
- Hantar mangsa ke klinik/hospital terdekat jika perlu.

4. Tindakan Semasa Kebakaran

- Bunyi loceng kecemasan akan menandakan kejadian kebakaran.
- Semua pelajar dan staf perlu segera bergerak ke tempat berkumpul yang telah ditetapkan.
- Jangan gunakan lif semasa kebakaran.
- Lakukan panggilan kecemasan ke nombor berikut:
 - Bomba: 999
 - Pegawai Keselamatan Kolej: 03-31202030



Prosedur Keselamatan

PERTOLONGAN CEMAS

Pertolongan cemas adalah rawatan awal yang diberikan kepada mangsa kemalangan atau kecederaan sebelum bantuan perubatan profesional tiba. Tindakan awal yang betul boleh menyelamatkan nyawa dan mengurangkan risiko kecederaan serius.

Langkah Umum Memberi Pertolongan Cemas

Gunakan kaedah asas “DRABC”:

1. **D – Danger (Bahaya):** Pastikan kawasan selamat sebelum bantu.
2. **R – Response (Tindak Balas):** Periksa sama ada mangsa sedar atau tidak.
3. **A – Airway (Saluran Pernafasan):** Pastikan saluran pernafasan mangsa tidak tersumbat.
4. **B – Breathing (Pernafasan):** Lihat, dengar dan rasa sama ada mangsa bernafas.
5. **C – Circulation (Peredaran):** Periksa nadi dan hentikan pendarahan jika ada.



Prosedur Kecemasan

1. Tindakan Asas Mengikut Jenis Kecemasan

a) Pengsan atau tidak sedarkan diri

- Baringkan mangsa secara mengiring jika bernafas.
- Longgarkan pakaian yang ketat.
- Jangan masukkan sebarang benda ke dalam mulut.

b) Luka dan pendarahan

- Tekan kawasan luka dengan kain bersih atau pembalut.
- Angkat bahagian yang luka melebihi paras jantung jika boleh.
- Jangan cabut objek yang tertusuk (biar doktor keluarkan).

c) Melecur

- Sejukkan kawasan terbakar dengan air bersih selama 10-15 minit.
- Jangan sapu ubat, minyak atau kicap.
- Tutup kawasan terbakar dengan kain bersih yang tidak melekat.

d) Tersedak

- Galakkan mangsa batuk dahulu.
- Jika tidak berjaya, beri tekanan belakang (back blows) sebanyak 5 kali.
- Ikut dengan tekanan dada (abdominal thrusts/Heimlich) jika perlu.

e) Sawan

- Jangan halang pergerakan mangsa.
- Jauhkan objek keras atau tajam.
- Bila sawan reda, baringkan mangsa mengiring dan pantau nafas.

Prosedur Kecemasan

2. Tindakan Lanjutan

- Hubungi nombor kecemasan 999 atau pusat kesihatan/hospital terdekat.
- Maklumkan kepada pengawal keselamatan dan pejabat kolej.
- Lengkapkan Laporan Insiden Kecemasan selepas kejadian.

3. Peralatan Pertolongan Cemas di Kolej

- Kit pertolongan cemas disediakan di:
 - Pejabat Pentadbiran
 - Bengkel / Makmal
- Pastikan anda tahu di mana lokasi kit pertolongan ini.
- Laporkan sebarang kecederaan segera kepada staf yang bertanggungjawab atau pegawai keselamatan kolej.



Prosedur Kecemasan

TINDAKAN SEMASA BENCANA ALAM (GEMPA BUMI / BANJIR)

Bencana alam seperti gempa bumi dan banjir boleh berlaku tanpa amaran dan memberi risiko besar kepada keselamatan warga kolej. Oleh itu, semua warga kolej perlu mengetahui langkah keselamatan yang betul ketika menghadapi situasi ini.

1. Sebelum Bencana (Langkah Persediaan)

- Peka dengan maklumat cuaca dan amaran rasmi daripada pihak berkuasa (contoh: MetMalaysia, NADMA).
- Ikuti taklimat kecemasan berkaitan gempa bumi dan banjir jika diadakan.
- Kenal pasti lokasi laluan kecemasan, titik berkumpul dan zon selamat.
- Simpan nombor telefon penting seperti polis, bomba, hospital dan pejabat kolej.
- Simpan dokumen penting dalam bekas kalis air (untuk banjir).
- Elakkan menyimpan barang peribadi di tempat rendah atau mudah ditenggelami air.

2. Semasa Gempa Bumi

⚠ JANGAN LARI SEMASA GEMPA. BERLINDUNG!

Jika berada dalam bangunan:

- Jatuhkan diri ke lantai dan berlindung bawah meja atau kerusi kukuh (Drop, Cover, Hold).
- Jauhkan diri daripada tingkap, rak, kipas dan benda bergantung.
- Jangan guna lif. Jangan panik.
- Bila gegaran berhenti, keluar dengan tenang dan ikut laluan kecemasan ke kawasan berkumpul.

Jika berada di luar bangunan:

- Jauhkan diri dari bangunan, tiang elektrik dan pokok besar.
- Cari kawasan lapang dan duduk hingga gegaran berhenti.

Prosedur Kecemasan

3. Semasa Banjir

⚠ Utamakan nyawa. Jangan redah air banjir!

- Jika air mula naik, berpindah ke tempat lebih tinggi dengan segera.
- Matikan semua suis elektrik jika sempat dan selamat untuk dilakukan.
- Ikut arahan pihak berkuasa/pengurusan kolej untuk pemindahan.
- Jangan sentuh peralatan elektrik yang basah.
- Elakkan melalui air yang deras walaupun kelihatan cetek.

4. Selepas Bencana

- Jangan terus kembali ke bangunan sebelum disahkan selamat oleh pihak bertanggungjawab.
- Laporkan sebarang kecederaan, kerosakan bangunan atau kehilangan kepada pihak kolej.
- Berikan bantuan kepada mereka yang memerlukan dengan berhati-hati.
- Ikut arahan pengurusan kolej atau agensi keselamatan (PDRM, Bomba, APM).

5. Titik Berkumpul dan Komunikasi

- Titik berkumpul akan ditentukan lebih awal dan semua pelajar wajib hadir untuk semakan kehadiran.
- Gunakan telefon hanya jika perlu untuk elak kesesakan talian.
- Pihak kolej akan maklumkan sebarang pengosongan premis atau penangguhan aktiviti melalui saluran rasmi (Whatsapp, FB rasmi, pengumuman PA system).

Keselamatan di Tempat Letak Kenderaan

Tempat letak kenderaan di Kolej Komuniti Kuala Langat merupakan kawasan yang perlu dikawal selia dengan baik bagi memastikan keselamatan kenderaan, pengguna jalan kaki dan kelancaran trafik dalam kampus.

1. Peraturan Am

- Hanya **kenderaan yang berdaftar dan mendapat pelekat kolej** dibenarkan masuk dan meletak kenderaan.
- Pelajar, staf dan pengunjung **dikehendaki meletak kenderaan di kawasan yang dibenarkan sahaja.**
- Elakkan parkir di kawasan terhad seperti:
 - Laluan kecemasan
 - Tempat OKU (tanpa kelulusan)
 - Hadapan pintu utama atau pagar keluar masuk
 - Sekitar bulatan

2. Tanggungjawab Pengguna

- **Pastikan kenderaan berkunci** dan semua tingkap ditutup dengan rapi.
- **Jangan tinggalkan barang berharga** dalam kenderaan.
- **Patuhi arahan keselamatan** dari pengawal atau papan tanda.
- Gunakan laluan berjalan kaki dan **jangan melintas sesuka hati.**

3. Tindakan Semasa Insiden atau Kemalangan

- Laporkan kepada pengawal keselamatan atau pejabat kolej serta-merta.
- Ambil gambar tempat kejadian (jika perlu) untuk dokumentasi.
- Elakkan tuduh-menuduh – serahkan kepada pihak berkuasa atau pengurusan kolej untuk siasatan.

Keselamatan di Tempat Letak Kenderaan

4. Larangan

- Tidak dibenarkan melakukan aktiviti **servis, membasuh, membaiki atau menguji enjin** di kawasan parkir.
- Dilarang **meninggalkan kenderaan rosak terlalu lama** tanpa makluman.
- Tidak dibenarkan **menunggang motosikal laju, melawan arus atau secara berbahaya** di kawasan parkir dan sekitar kolej.

5. Peringatan Tambahan

- Kawasan letak kenderaan adalah **di bawah pemantauan pengawal keselamatan**, tetapi pengguna bertanggungjawab ke atas keselamatan harta benda masing-masing.
- Kolej tidak akan bertanggungjawab atas **sebarang kehilangan atau kerosakan** yang berlaku akibat kecuaiian sendiri.



Keselamatan Siber

Dalam dunia digital hari ini, keselamatan siber adalah sama penting seperti keselamatan fizikal. Semua warga kolej perlu bertanggungjawab melindungi data, sistem dan akaun masing-masing daripada ancaman siber seperti virus, penggodaman, penipuan atas talian dan pencerobohan maklumat.

1. Tanggungjawab Pengguna ICT

- Jaga kerahsiaan ID dan kata laluan. Jangan kongsi dengan sesiapa.
- Gunakan kata laluan yang kukuh (kombinasi huruf, nombor & simbol).
- Tukar kata laluan secara berkala (setiap 3–6 bulan).

2. Akses Sistem & Data

- Gunakan peralatan ICT kolej untuk tujuan kerja/pembelajaran sahaja.
- Jangan akses sistem yang bukan bidang tugas atau tanpa kebenaran.
- Jangan pasang sebarang perisian luar tanpa kelulusan pihak ICT kolej.

3. Perlindungan Peranti

- Pastikan antivirus dan firewall aktif dan dikemaskini.
- Jangan buka email atau link yang mencurigakan.
- Elakkan guna pendrive/external drive yang tidak dipercayai pada komputer kolej.

4. Kawalan Media Sosial & Komunikasi

- Elakkan berkongsi maklumat sulit kolej di media sosial.
- Jangan sebarkan maklumat palsu, fitnah, atau provokasi politik yang boleh jejaskan imej kolej.
- Guna emel rasmi untuk urusan rasmi.

Keselamatan Siber

5. Serangan Siber & Tindakan

- Jika disyaki berlaku pencerobohan (hacked), lapor segera kepada Unit ICT.
- Jika sistem tergendala atau ada virus, jangan cuba baiki sendiri tanpa pengetahuan – boleh tambah rosak.
- Lapor kehilangan peranti seperti laptop/pendrive yang mengandungi data penting kepada pengurusan.

6. Etika Digital

- Hormati privasi orang lain – jangan intip atau simpan data tanpa izin.
- Patuhi dasar ICT dan polisi penggunaan Internet Kolej.
- Jangan guna kemudahan kolej untuk aktiviti cetak rompak, perjudian, lucah atau apa-apa yang menyalahi undang-undang.

7. Penafian & Tindakan Disiplin

- Kolej berhak mengambil tindakan terhadap mana-mana pelajar/staf yang melanggar peraturan keselamatan siber termasuk sekatan akses, amaran disiplin atau laporan polis jika melibatkan jenayah digital.



Laporan Insiden dan Aduan

Semua warga Kolej Komuniti Kuala Langat bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang insiden keselamatan atau aduan berkaitan keselamatan bagi memastikan tindakan segera dapat diambil demi kesejahteraan bersama.

Apa Itu Insiden dan Aduan?

Insiden merujuk kepada sebarang kejadian yang mengancam keselamatan seperti:

- Kemalangan, kecederaan, atau kebakaran
- Kehilangan atau kecurian harta benda
- Kerosakan kemudahan awam
- Cubaan pencerobohan atau tingkah laku mencurigakan
- Serangan fizikal atau gangguan seksual

Aduan keselamatan pula merujuk kepada:

- Lampu jalan rosak
- Kamera CCTV tidak berfungsi
- Kawasan gelap/berisiko tinggi
- Laluan licin atau berbahaya
- Parkir tidak selamat / motosikal berselerak



Laporan Insiden dan Aduan

Sekiranya berlaku insiden atau pelanggaran peraturan keselamatan, laporan boleh dibuat kepada:

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kolej Komuniti Kuala Langat

No.Tel Pejabat: 03-31202030

Amaran Palsu

- Laporan palsu atau main-main adalah dilarang dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- Warga kolej diminta melapor secara jujur dan bertanggungjawab demi keselamatan semua.



Denda dan Tindakan Disiplin

Kolej Komuniti Kuala Langat mengambil serius sebarang pelanggaran terhadap peraturan dan langkah keselamatan yang telah ditetapkan. Tujuan tindakan ini bukan untuk menghukum semata-mata, tetapi untuk mendidik dan memastikan keselamatan seluruh warga kolej sentiasa terjamin.

Jenis Kesalahan Keselamatan Umum

Antara kesalahan yang boleh dikenakan tindakan termasuk:

- Gagal patuh prosedur keselamatan (tak ikut arahan semasa latihan kebakaran, buat aktiviti berisiko tanpa kebenaran, dsb.)
- Merosakkan kemudahan kolej (alat pemadam kebakaran, CCTV, paip air, suis elektrik dll.)
- Buat laporan palsu atau prank kecemasan
- Parkir di kawasan larangan / laluan kecemasan
- Pencerobohan kawasan terlarang (makmal, bilik stor, kawasan bumbung, dsb.)
- Melanggar etika keselamatan siber (hacked sistem kolej, kongsi maklumat sulit, install perisian haram)
- Melakukan ancaman keselamatan kepada orang lain (gaduh, buli, gangguan fizikal atau seksual)



Denda dan Tindakan Disiplin

Bentuk Tindakan & Denda

- Tindakan yang boleh dikenakan berdasarkan keseriusan kesalahan:

Kesalahan	Tindakan Disiplin / Denda
Kesalahan ringan (amaran pertama)	Nasihat lisan atau bertulis
Ulang kesalahan / enggan patuh	Surat amaran rasmi
Kerosakan harta benda	Bayaran ganti rugi / denda (ikut anggaran kerosakan)
Parkir di kawasan larangan	Kompaun RM50 atau tayar dikunci
Salah guna sistem ICT	Sekatan akses sistem + siasatan dalaman
Laporan palsu / prank kecemasan	Surat tunjuk sebab / gantung sementara
Kesalahan berat (contoh: buli, dadah, jenayah)	Gantung / buang kolej + laporan polis

Denda dan Tindakan Disiplin

Prosedur Tindakan

- Pelanggaran akan direkod oleh pihak keselamatan / pensyarah / pengurusan.
- Pelajar akan dipanggil untuk beri penjelasan.
- Siasatan dijalankan dan keputusan tindakan dibuat oleh Jawatankuasa Disiplin Kolej.
- Pelajar berhak untuk rayu jika tidak berpuas hati.

Nota Penting

- Tiada siapa terkecuali – semua pelajar dan staf tertakluk kepada peraturan ini.
- Tindakan ini bukan hukuman semata, tetapi pengajaran. Jika semua berperanan menjaga disiplin, kolej akan menjadi tempat yang lebih selamat dan selesa untuk belajar.



Talian Kecemasan

Talian Kecemasan Dalaman Kolej

Jenis Bantuan	Nombor / Sambungan
Pejabat Am Kolej	03-3120 2030

Talian Kecemasan Luar

**999 TALIAN
KECEMASAN
ANDA**



BALAI POLIS BANTING

03-3187 2222

BALAI BOMBA BANTING

03-3187 1444

HOSPITAL BANTING

03-3187 1333

APM KUALA LANGAT

03-3180 2320

Penutup

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, Kolej Komuniti Kuala Langat komited untuk menyediakan persekitaran pembelajaran dan bekerja yang selamat, sihat dan bebas daripada risiko yang boleh membahayakan warga kolej.

Pelaksanaan langkah-langkah keselamatan yang terkandung dalam buku panduan ini diharap dapat membantu pelajar dan staf memupuk kesedaran serta disiplin dalam menjaga keselamatan diri dan orang lain sekeliling. Kerjasama semua pihak adalah kunci utama untuk memastikan setiap prosedur dan polisi keselamatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Marilah kita bersama-sama berusaha menjadikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai budaya harian dalam kehidupan di kolej ini. Semoga dengan langkah ini, kita dapat mencipta sebuah komuniti pendidikan yang lebih harmoni, produktif dan selamat untuk semua.

“Keselamatan adalah keutamaan, kesihatan adalah kekuatan.”

Sekian, terima kasih.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kolej Komuniti Kuala Langat

Rujukan

1. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
2. Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)
3. Manual Latihan Kecemasan dan Evakuasi, Kementerian Pendidikan Tinggi.
4. Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kolej Komuniti Kuala Langat.
5. Occupational Safety and Healthy Administration (OSHA) Guidelines.
6. Panduan Pengurusan Risiko dan Kesemalatan, Kementerian Sumber Manusia.

PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT

Diterbitkan oleh


Kolej Komuniti Kuala Langat
Kementerian Pendidikan Tinggi
Jalan Sultan Suleiman Shah
42700 Banting, Selangor
Malaysia

Tel: +603-31202030

Faks: +603-31202080

Emel: contact_us@kkkla.edu.my

e ISBN 978-629-7559-18-6



KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT

(online)

